

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.04/2013**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 29 APRIL 2013
MASA : 9.30 PAGI
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.04/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 APRIL 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.3/2013 bertarikh 29 Mac 2013.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.4/2013.
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.4/2013 .
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.4/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.4/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.4/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.7/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8/2013.
5. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Ho Ah Ngoh.
6. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.04/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.03/2013.
2. Lampiran-lampiran :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.4/2013.
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.4/2013 .
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.4/2013.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.4/2013.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.4/2013.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.7/2013.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 3/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 29 MAC 2013

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd Hamid bin Hussain Timbalan Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 8. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 11. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 12. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah | - | " |
| 15. | Tn. Hj. A. Yazid bin Alias | - | " |
| 16. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |

| | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 17. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 19. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob
Yang DiPertua Majlis
2. Tn. Jafrien bin Muhammad
Ahli Majlis, MPAJ
3. Tn. Wong Khai Pun
Ahli Majlis, MPAJ
4. Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (LUARAN)

1. YB. Jenice Lee Ying Ha
ADUN Teratai
2. Cik Shane Ong
Pembantu ADUN Teratai
3. En. Yap Park Kin
Penduduk

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang

3. En. Yazid bin Sarkom
Jabatan Bangunan dan Senibina
4. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
5. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
6. Mohd Fazrin bin Ab. Rahman
Bahagian Audit Dalam
7. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
9. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
10. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
11. Pn. Zuraaina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
12. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
13. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
14. Puan Mazlifah binti Md Yusof
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
15. En. Mohd Hafiz bin Abd. Halim
Bahagian OSC
16. Pn. Sharefah Hasnah binti Othman - Urusetia
Bahagian Urusetia
17. Pn. Asda Yanti binti Abdullah - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan.

2. UCAPAN PENGERUSI

Tuan Abd Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013. Dato' YDP tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat Majlis kerana menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan di SUK Selangor.

Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan mengadakan lawatan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 3 April 2013 bagi memaklumkan satu kajian yang sedang dijalankan untuk mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian untuk menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat di kawasan bandar. Kajian ini adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Februari 2013 yang bersetuju supaya MAMPU mengkaji semula struktur Kerajaan secara menyeluruh bagi memastikan Kerajaan dapat melaksanakan agenda pembinaan negara dan kesejahteraan rakyat dengan berkesan selari dengan perubahan demografi. Maklumat-maklumat yang diperlukan semasa lawatan tersebut meliputi aspek-aspek seperti berikut:

- a. struktur pentadbiran dan fungsi sedia ada;
- b. mekanisme penghubung dengan masyarakat;
- c. penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan dan
- d. isu dan cabaran yang dihadapi.
- 2.2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2012 pada 12 April 2013 (Jumaat). Majlis ini akan diadakan di Hotel De Palma, Ampang dan dijadualkan bermula dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tenghari.
Seramai 56 kakitangan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 3 orang kakitangan akan menerima Anugerah Kepujian.
- 2.3. Majlis akan mengadakan satu program mempertingkatkan motivasi kakitangan, dan program ini dikenali sebagai Program Refresh Minda bersama Ustaz Don Daniyal bin Don Binyajid akan diadakan:
- | | |
|----------|------------------------------|
| Tarikh : | 03 April 2013 (Rabu) |
| Tempat : | Galeri, Aras 4 Menara MPAJ. |
| Masa : | 08.15 Pagi – 11.00 Pagi |
| Tajuk : | "Indahnya Akhlak Rasulullah" |
- 2.4. Majlis telah merangka kursus kepada Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC), Ahli Majlis dan Pemilik tetap bagi perumahan berstrata. Sebanyak 4 siri kursus pada tahun 2013 bermula pada bulan April 2013. Kursus ini merangkumi pentadbiran dan kewangan, pemahaman undang-undang,

hak milik premis bagi bangunan berstrata, operasi baik pulih dan penyelenggaraan, pengurusan keselamatan pengurusan berisiko, menaik taraf dan ubahsuai dan tanggungjawab pemilik premis sebagai pembayar wang penyelenggaraan. Kursus pertama akan diadakan pada 27 April 2013 di Dewan Sri Hijauan, Ukay Perdana, seterusnya 26 Mei 2013 di Dewan Perbandaran MPAJ Pandan Indah, 6 Julai 2013 di Dewan AU2 Taman Keramat dan 27 Oktober 2013 di Dewan Dato' Ahmad Razali.

- 2.5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya sedang menganjurkan Pertandingan Landskap peringkat Ampang Jaya bagi tahun 2013 bermula dari 1 Mac 2013 sehingga 30 Mei 2013. Kategori yang dipertandingkan adalah rumah banglo, rumah teres lot tepi, rumah teres lot tengah, pejabat kerajaan dan swasta dan sekolah rendah dan menengah serta masjid. Semua borang penyertaan perlu dikembalikan ke Urusetia Pertandingan, Jabatan Belia dan Masyarakat pada atau sebelum 31 Mei 2013.

- 2.6. Majlis telah memutuskan memilih kawasan Bukit Indah sebagai kawasan untuk dipertandingkan Zon Bersih Siri Ke 4 tahun 2013. Kawasan Bukit Indah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu kawasan perumahan (40%), komersial (25%-30%) dan kawasan hijau (30%). Tuan Pengurus berharap semua yang terlibat termasuk penduduk di Bukit Indah dalam menjayakan program ini dapat melaksanakan dengan jayanya bagi mengekalkan kemenangan yang dicapai oleh Majlis pada tahun-tahun sebelumnya.

- 2.7. Penyata Kewangan yang berakhir pada tahun 31 Disember 2012 telah berjaya disediakan oleh Jabatan Perpendaharaan untuk diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit pada atau sebelum 30 April 2013. Sebagai makluman, penyata pendapatan bagi tahun 2012 adalah RM141,204,269 dan penyata perbelanjaan sebanyak RM124,560,864 dengan lebihan RM16,643,405.
- 2.8. Majlis juga melaksanakan penggunaan Ovitrap bagi tujuan pengawasan nyamuk di kawasan Ampang Jaya terutama di kawasan wabak denggi. Penduduk kawasan terlibat dinasihatkan supaya tidak berlaku vandalisme dan memberikan kerjasama supaya kajian yang dilaksanakan dapat berjalan dengan jayanya.

3. PENGESAHAN MINIT MESUARAT BIL. 2/2013

Minit Mesuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesuarat dicadangkan disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2013

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 1/2013 bertarikh 18 Mac 2013.

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 19 Mac 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Puan Cheong Chye Wah.

MAKLUMAN

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 14 Mac 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad.

MAKLUMAN

**6.3. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 15 Mac 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Fong Teck Keong.

MAKLUMAN**6.4. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 20 Mac 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Razali bin Ramly dan disokong oleh Tuan Mohamad bin Samat dan Puan Sian Keng Eng.

MAKLUMAN

6.5. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 13 Mac 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

6.5.1. Perkara 3.106 di muka surat 205**- ISU PEMBINAAN TEMBOK DI TAMAN SERAYA**

Puan Cheong Chye Wah telah membangkitkan mengenai isu pembinaan tembok di Taman Seraya. Beliau memaklumkan bahawa beliau memperolehi beberapa maklumat tambahan untuk dibincangkan berkenaan orang yang tidak dikenali berjumpa penduduk dan sebab ketidakhadiran penduduk berbincang dengan Majlis serta ugutan yang diterima oleh penduduk.

Mesyuarat Majlis memutuskan isu ini dibincangkan dengan lebih teliti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam dan Puan Cheong Chye Wah dijemput untuk membentangkan maklumat tambahan berhubung isu ini.

MAKLUMAN

6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013 bertarikh 29 Mac 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5/2013 dan bil. 6/2013 bertarikh 8 Mac 2013 dan 25 Mac 2013.

MAKLUMAN**7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN HJ. A. YAZID BIN ALIAS**

Tuan Hj. A. Yazid bin Alias mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2013.

Dalam ucapan beliau memberi beberapa cadangan penambahbaikan ke atas perkhidmatan Majlis iaitu:

- 7.1. Pihak pengurusan MPAJ diminta meningkatkan tahap keselamatan penduduk terutama di kawasan-kawasan komersial dan kawasan yang dianggap berisiko dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV). Ini bagi tujuan memastikan orang ramai yang berurusan terutama dengan institusi kewangan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan mengelakkan berlaku rompakan dan perbuatan yang tidak diingini.
- 7.2. Kerjasama baik yang diberikan oleh Majlis kepada Ahli Majlis sebagai satu pasukan diharapkan dapat diteruskan bagi memastikan hubungan baik ini terus terjalin dan dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk.

- 7.3. Tanggapan masyarakat terhadap perkhidmatan MPAJ. Beliau mengingatkan supaya Majlis tidak leka dengan prosedur dan KPI yang ditetapkan oleh Majlis untuk menentukan kejayaan sesuatu perkhidmatan. Selain KPI, Majlis perlu mengambil kira kepuasan pelanggan ke atas perkhidmatan yang diberikan. Beliau memohon diimbangi antara KPI dan kepuasan pelanggan. Kepuasan pelanggan tercapai apabila masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan sebagai contoh kerja-kerja pembersihan kawasan.
- 7.4. Berhubung dengan kerahsiaan maklumat, beliau memohon supaya Majlis memastikan pemberi maklumat dijamin keselamatan mereka supaya mereka tidak terdedah kepada sebarang ancaman. Sekiranya gagal, dikuatir pemberi maklumat tidak akan memberi kerjasama lagi dalam membantu Majlis dalam menjalankan tugas sebagai PBT setempat.

Beliau akhiri ucapan penangguhan dengan mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu dan memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis dan Ketua JKP Zon.

8. PENUTUP

Tuan Penggerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh:-

Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh
..... dan disokong oleh

(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)
Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM. 3 2013 - 29.3.2013

4.1.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN**
BIL.4/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.04/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 16 APRIL 2013

MASA : 9.30 PAGI – 10.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS (Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Khamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn Lim Fong Len | - | " |
| 6. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 7. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 8. | Tn. Haji Yazid Bin Alias | - | " |
| 9. | Tn. Mat Jusuh bin Dollah | - | " |
| 10. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 11. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain | - | TYDP, MPAJ |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 2. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 3. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |

A large, semi-transparent watermark is positioned in the center of the page. It consists of the word "SULIT" written in a bold, sans-serif font. The letters are thick and overlap each other at an angle, creating a sense of depth and movement. The watermark is light gray, allowing the underlying text to remain legible.

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PUENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.04/2013 telah diadakan pada 16 April 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM HULU KELANG

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Tindakan :

Pejabat Tanah dan Daerah Gombak

2.2. ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH REZAB TNB

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan sentiasa memantau lokasi setinggan. Merujuk kepada surat YB. Tuan Iskandar bertarikh 25 Oktober 2012 kepada YAB MB, di mana pihak YB mencadangkan setinggan Pandan Jaya di bawah TNB dimasukkan ke dalam Program Pinjaman Kerajaan Negeri. Sehingga kini pihak Jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

2.3. BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang ditetapkan.

**Tindakan:
Pejabat Tanah Daerah Gombak**

2.4. BANGUNAN DI KAWASAN LAPANG DI BAWAH RINTISAN REZAB TNB DI TAMAN NIRWANA FASA 1

Mesyuarat dimaklumkan melalui surat TNB bertarikh 25 Mac 2013, kerja-kerja pembersihan sisa binaan yang telah dirobohkan oleh pemilik asal telah dilaksanakan pada 25 Mac 2013. Manakala kerja-kerja merobohkan struktur yang masih belum dirobohkan dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan April 2013 dan dijangka selesai pada penghujung bulan Mei 2013.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

2.5. BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan masih menunggu maklumbalas dari pihak TNB sama ada binaan tersebut memasuki rezab TNB atau tidak.

Mesyuarat dimaklumkan juga pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatuasa pada 8 April 2013 mendapati pembinaan dan penambahan struktur di Jalan F dan Lorong A, Kg Pandan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina**

2.6. GERAI MAKAN DI REZAB TNB BERHADAPAN MAJLIS NURUL HIDAYAH KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan penjaja-penjaja tersebut telah diberi 3 kali notis dan notis tersebut telah tamat. Tindakan selanjutnya tidak dapat dilaksanakan sehingga selesai proses Pilihanraya.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

2.7. BANCIAK AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan isu ini telah dibincangkan dan ianya mempunyai skop yang terlalu besar dan melibatkan Jabatan Perancang Bandar, Bangunan dan Senibina, Penguatuasa, Pelesenan dan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan (terlibat untuk penjaja sahaja).

Mesyuarat dimaklumkan tindakan ke atas peniaga nasi kukus di tepi jalan Taman Nirwana 1 telah diselesaikan di mana tindakan sitaan telah dibuat. Manakala bagi peniaga nasi lemak pandan tindakan notis telah dikeluarkan pada 9 April 2013 kerana meninggalkan kenderaan (lori) selepas waktu perniagaan. Pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.8. TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan kertas siasatan (IP) telah dipulangkan semula ke Jabatan Penguatkuasa kerana pihak Jabatan Undang-undang ingin mendapatkan maklumat terperinci berkaitan maklumat pemilik premis.

Tindakan:
Jabatan Undang-undang

2.9. GERAH HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

2.10. PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan pembinaan parkir kereta (garaj) di atas rezab jalan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa /Jabatan Bangunan & Senibina

2.11. STATUS GERAI UPEN DITUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan dalam proses penyediaan BQ bagi tindakan membaik pulih gerai tersebut ke struktur asal.

Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said mohon selepas proses membaik pulih gerai tersebut temuduga gerai ditawarkan kepada peniaga-peniaga di gerai tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.12. TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan pihak Mahkamah Majistret mengarahkan pihak pendakwa mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pemilikan tanah.

Tindakan:
Jabatan Undang-undang

2.13. RUANG PERNIAGAAN DIBINA DI KAWASAN LAPANG PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan bersama Ahli Majlis pada 21 Mac 2013, mendapati lokasi yang dicadangkan tidak sesuai untuk didirikan gerai. Membina gerai di kawasan tersebut akan menyebabkan kawasan menjadi tidak teratur.

Pihak Jabatan dikehendaki mencari lokasi lain supaya program menempatkan semula penjaja dapat dilaksanakan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.14. STATUS TAPAK BILLBOARD DI HADAPAN PERABUT CEMPAKA

Mesyuarat dimaklumkan isu ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat ‘Taskforce’ Billboard dan Menara Telekomunikasi yang akan datang.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

2.15. STATUS TANAH HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH

Mesyuarat dimaklumkan pengusaha telah mengemukakan rayuan kepada pihak Majlis bagi mengekalkan khemah tersebut. Sebarang tindakan penguatkuasaan akan ditangguhkan sehingga tamat Pilihanraya.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

2.16. STATUS GERAI STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA 4

Mesyuarat dimaklumkan peniaga telah diberi notis dan tindakan akan dibuat selepas Pilihanraya.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.17. SEMAKAN TAPAK DI TAMAN NIRWANA 3

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan pemohon pernah dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara (LMS) tetapi telah tamat tempoh. Pemohon telah membuat permohonan lanjut LMS tetapi sehingga kini masih tiada jawapan. Bangunan tersebut terletak di atas rezab kerajaan.

Tindakan:
PTD Hulu Langat

2.18. BANGUNAN HARAM DI KAMPUNG KEMENSAH

Mesyuarat dimaklumkan notis roboh telah dikeluarkan pada 15 Mac 2013 kepada 2 gerai dalam tempoh 7 hari. Operasi perobohan ditangguhkan sehingga diberitahu kelak.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa/ Jabatan Bangunan & Senibina**

2.19. STATUS PREMIS PERNIAGAAN SIBER KAFE DI PANDAN UTAMA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengambil tindakan sitaan pada 20 Mac 2013. Pihak Jabatan dikehendaki memantau premis tersebut dari masa ke semasa.

Makluman

2.20. PEMBETULAN PAPAN TANDA TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI IKS KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan dalam tindakan pembetulan ke atas papan tanda tersebut.

Makluman

2.21. KENDERAAN BESAR DIPARKIR MENYEBABKAN TEMPAT LETAK KERETA TIDAK MENCUKUPI

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 46 (1)(g) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Pemilik diberi tempoh 24 jam untuk mengalihkan lori-lori tersebut.

Mesyuarat memutuskan pemilik lori tersebut diberi tempoh untuk mengalihkan kenderaan tersebut.

Makluman

2.22. VISUAL BERKENAAN 5 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DI BAWAH PENTADBIRAN PAKATAN RAKYAT

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima sebarang permohonan mengenai spesifikasi, lokasi dan bilangan yang ingin didirikan.

**Tindakan:
Jabatan Pelesenan**

2.23. PERHENTIAN BAS DI JALAN H, TASEK PERMAI JADIKAN KIOSK GERAI

Mesyuarat dimaklumkan semakan semula akan dibuat dan perhentian bas tersebut tidak dijadikan 'drive thru' yang akan mengganggu lalu lintas tetapi lebih kepada penjaja sementara untuk menjual buah-buahan atau kuih.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

2.24. PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan tindakan telah diselaraskan oleh Jabatan Bangunan & Senibina.

Makluman dari Jabatan Bangunan & Senibina memaklumkan pembinaan rumah di cerun tersebut adalah dalam lot sendiri dan mendapat aduan dari penduduk setempat. Sekiranya pemohon mohon untuk pembinaan tidak dapat diluluskan kerana rumah tersebut tidak cukup 'side back'. Sebarang perobohan akan ditangguhkan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina**

2.25. SAMBUNGAN BUMBUNG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9 MENGHALANG KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dilaksanakan mengikut jadual dan pihak kontraktor melaksanakan secara manual. Jabatan Bangunan dan Senibina dikehendaki mengambil tindakan susulan terhadap sambungan bumbung berkenaan.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.26. SAMPAH TIDAK DIANGKAT KERANA TIADA RUANG UNTUK LORI SAMPAH MASUK DI LORONG BELAKANG KAWASAN FLAT M14, M8-M15 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan semakan menyeluruh perlu dibuat terhadap laluan lori sampah ke rumah sampah yang terhalang oleh kenderaan penduduk. Pihak Jabatan dimohon untuk membuat kajian berkaitan isu tersebut bersama-sama pihak kontraktor kawasan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.27. MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M 15 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan merujuk pelan susunatur yang diluluskan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) bertarikh 12 Ogos 1989, bilangan tempat letak kereta tidak dinyatakan di dalam pelan tersebut. Pihak Jabatan akan membuat semakan tapak bagi mengenalpasti punca masalah tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

2.28. GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7, PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa gelanggang anak muda tersebut dalam tindakan pemberian oleh Pejabat Tanah sebelum proses penyerahan kepada Majlis.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

2.29. PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS DI NO.2, JALAN PERDANA 6/9, PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan isu ini masih dalam kes mahkamah (En. Lim Koo vs En. Soo). Pemilik rumah mohon supaya pelan akan dikemukakan selepas kes Mahkamah selesai.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan & Senibina**

2.30. GERAI TERBIAR DI TAMAN SAGA

Mesyuarat dimaklumkan notis telah ditampal di gerai tersebut pada 10 April 2013. Tindakan akan dilaksanakan selepas Pilihanraya.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

2.31. PEMASANGAN BENDERA PARTI

Mesyuarat dimaklumkan tindakan telah dilaksanakan pada 20 Mac 2013.

Makluman

2.32. SEMAKAN PERSEMPADANAN KAWASAN DI JALAN 1/2E TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan kawasan tersebut masih berada dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Makluman**2.33. MOHON SEMAKAN PERMOHONAN PEMBINAAN KONKRIT DI PADANG PERMAINAN DI PANDAN UTAMA**

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah mengarahkan kerja-kerja ditapak diberhentikan dan mohon pihak yang terlibat mengemukakan pelan kepada pihak Jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat****2.34. PENERANGAN BERKENAAN ‘GUARDED COMMUNITY’**

Dato’ Pengurus mohon kertas kerja berkaitan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

3. HAL-HAL LAIN**TUAN HAJI ALI BIN ISMAIL****3.1. KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI/TAPAK GERAI PLB DI JALAN TASEK TAMBAHAN 1**

Beliau mencadangkan supaya dibuat kajian dan cadangan pemulihian gerai/tapak gerai PLB di Jalan Tasek Tambahan 1 agar dapat diselaraskan semula rezab jalan dan memulihkan kawasan ini dari takungan air di waktu hujan lebat.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS**3.2. TEBANG POKOK BULUH LIAR DI PERSIMPANGAN MASUK KE PINGGIRAN CEMPAKA DAN SEMAK DI JALAN MASUK KE LRT TAMAN CEMPAKA (SEBELAH TEMBOK PETRONAS)**

Beliau menerima aduan daripada penduduk mohon ditebang pokok buluh liar sebelum masuk ke Pinggiran Cempaka dan membersihkan semak samun di Jalan masuk ke LRT Taman Cempaka (sebelah tembok Petronas) kerana bimbang terdapat ular di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

*(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan,
Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)*

3.3. BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C DAN DI WAKAF YB ISKANDAR

Beliau menerima aduan daripada penduduk terdapat binaan tiang dan bangunan baru di Blok B, Blok C dan di wakaf YB Iskandar di Flat Taman Dagang mohon tindakan kerana terlalu ramai pendatang asing bermiaga di situ.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina / Jabatan Penguatkuasa

3.4. TIANG LAMPU DI TAPAK PARKIR KERETA DI JALAN CEMPAKA 14

Beliau mohon pihak Majlis menyediakan tiang lampu di tapak parkir kereta di Jalan Cempaka 14, Taman Cempaka kerana tapak parkir tersebut adalah laluan pejalan kaki ke LRT.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.5. TAMPAL JALAN DI TAPAK PARKIR MASJID NURUL HIDAYAH KG PANDAN DALAM

Beliau mohon pihak Jabatan terlibat membuat tampalan jalan di tapak parkir Masjid Nurul Hidayah Kg Pandan Dalam.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN FONG TECK KEONG**3.6. SEMAKAN BANGUNAN HARAM**

Beliau mohon semakan bangunan haram di belakang Jalan Lim Swee Hong Pekan Ampang.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**3.7. SEMAKAN PERMOHONAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH**

Beliau mohon pihak Majlis membuat semakan ke atas beberapa pemilik rumah yang membuat pengubahsuaian rumah kerana didapati ada di antara mereka tidak mempamerkan permit kebenaran ubahsuai di lokasi berikut:-

- i) Taman Bukit Mewah
- ii) Taman Bukit Utama 1 dan 2
- iii) Taman Bukit Jaya

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

TUAN LIM FONG LEN**3.8. PENGUBAHSUAIAN RUMAH TANPA KEBENARAN**

Beliau menerima aduan daripada penduduk kerana terdapat penduduk yang masih membuat pengubahsuaian rumah tanpa kebenaran di Jalan Bunga Melur 3.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

TUAN HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID**3.9. TINDAKAN NOTIS MENGOSONGKAN BANGUNAN**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berdekatan dan peniaga supaya pihak Majlis dapat mengeluarkan notis mengosongkan bangunan yang didirikan tanpa izin yang digunakan untuk aktiviti parti politik di Jalan 5 Pandan Jaya berhadapan SK Pandan Jaya.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH**3.10. POS PILIHANRAYA DI HADAPAN RESTORAN HIDAYAH INDAH**

Beliau menerima aduan daripada penduduk terdapat pos pilihanraya di hadapan Restoran Hidayah Indah Taman Bukit Indah yang mengganggu lalu lintas dan menimbulkan kacau ganggu.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.



Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
18APRIL2013

4.2.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM
SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN**
BIL.4/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.04/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 17 APRIL 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.20 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Abd. Latif Bin Shaari | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 6. | Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 7. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |
| 8. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 9. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 10. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

A large, semi-transparent watermark is positioned diagonally across the page. It consists of the word "SULIT" written in a bold, sans-serif font. The letters are thick and light gray, with each letter slightly offset from the others to create a sense of depth. The watermark runs from the bottom-left towards the top-right of the page area.

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR
DAN KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.04/2013 telah diadakan pada 17 April 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara berbangkit seperti berikut:

2.1. KERTAS LAPORAN OPERASI PELESENAN ANJING DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan pencapaian operasi pemeriksaan lesen anjing di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang.

2.1.2. Pelaksanaan Operasi Pelesenan Anjing ini dijalankan bagi tempoh 6 bulan bermula pada bulan Disember 2012 dan sehingga bulan Mei 2013 dengan kekerapan sekurang-kurangnya sebulan 2 kali operasi.

2.1.3. Pencapaian operasi pelesenan anjing 2013 adalah seperti berikut :

PENCAPAIAN OPERASI ANJING BERTUAN 2013

| BIL | TARIKH & KAWASAN OPERASI | OPERASI PERTAMA | | | | OPERASI KEDUA | | | |
|-----|--|-----------------------|---------------------|-----------|-------------|---------------|---------------------|-----------|-------------|
| | | BIL PREMIS DISASARKAN | BIL PREMIS DILAWATI | BIL NOTIS | BIL KOMPAUN | TARIKH | BIL PREMIS DILAWATI | BIL NOTIS | BIL KOMPAUN |
| 1. | 30/1/13 TMN SERAYA | 50 | 40 | 12 | 0 | 13/2/13 | 12 | 0 | 4 |
| 2. | 13/2/13 TMN MEGA JAYA | 44 | 40 | 8 | 0 | 4/3/13 | 8 | 0 | 3 |
| 3. | 21/2/13 PANDAN VILLA KONDO PANDAN INDAH | 704 | 704 | 6 | 0 | 5/3/13 | 6 | 0 | 2 |
| 4. | 6/3/13 KG TASIK PERMAI | 70 | 60 | 22 | 0 | 13/3/13 | 22 | 0 | 0 |
| 5. | 13/3/13 KG TASIK PERMAI | 200 | 180 | 28 | 0 | 21/3/13 | 28 | 0 | 0 |

| BIL | TARIKH & KAWASAN OPERASI | OPERASI PERTAMA | | | | OPERASI KEDUA | | | |
|--------|-------------------------------------|-----------------------|---------------------|-----------|-------------|---------------|---------------------|-----------|-------------|
| | | BIL PREMIS DISASARKAN | BIL PREMIS DILAWATI | BIL NOTIS | BIL KOMPAUN | TARIKH | BIL PREMIS DILAWATI | BIL NOTIS | BIL KOMPAUN |
| 6. | 21/3/13 KG TASIK PERMAI | 200 | 200 | 32 | 0 | 27/3/13 | 32 | 0 | 0 |
| 7. | 27/3/13 KG TASIK PERMAI | 200 | 180 | 27 | 0 | 3/4/13 | 27 | - | 2 |
| 8. | 13/4/13 PANDAN INDAH (JLN 5/1_5/26) | 450 | 384 | 52 | 0 | - | - | - | - |
| JUMLAH | | 1968 | 1788 | 187 | 0 | JUMLAH | 108 | 0 | 11 |

- Operasi pertama adalah pemeriksaan premis anjing dan pengeluaran notis Penguatkuasaan undang-undang bagi UUK 3(1) iaitu tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara atau melindungi seekor anjing yang telah mencapai umur 3 bulan melainkan jika anjing itu di lesenkan.
- Operasi kedua adalah pengeluaran tawaran kompaun bagi pemilik anjing yang gagal mematuhi notis.
- Terdapat 49 kawasan mengikut DUN yang memerlukan operasi ini dijalankan secara berterusan hingga November 2013.

2.1.4. Hasil daripada operasi pemeriksaan anjing sehingga bulan Mac 2013 sebanyak 147 ekor anjing telah dilesenkan.

2.1.5. Mesyuarat **mengambil maklum** Laporan Operasi Pelesenan Anjing Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 ASPEK KESIHATAN

3.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan bagi Program Combi, 14 daripada 24 JKP telah mengadakan taklimat Combi dan 9 JKP berjaya menubuhkan Skuad Denggi. Selain taklimat, pertandingan mencari jentik-jentik dan gotong-royong telah berjaya dilaksanakan. Bagi laporan denggi sehingga minggu ke 16 sebanyak 308 kes dinotifikasi. 87 disahkan secara serologi. 164 premis daripada 4,798 premis yang diperiksa adalah positif denggi. Lokasi wabak terkawal ialah LD 255 Bukit Indah.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah membuat semakan terhadap aduan tikus di Kg Pandan mendapati populasi tikus di kawasan tersebut disebabkan oleh aktiviti penduduk yang tidak menjaga kebersihan. Tiada tong sampah yang bertutup dan menyalahgunakan rumah kediaman kepada perniagaan terutama restoran dan gerai. Kempen menangkap tikus yang seterusnya ditunda sehingga tamat Pilihanraya.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan semakan terhadap 319 premis makanan yang terdiri dari 6 kategori iaitu restoran, medan selera, gerai statik, kantin, gerai UPEN dan BOT telah dilaksanakan. Sebanyak 219 premis makanan layak diberi sijil bersih iaitu 91 gred A dan 128 gred B sementara 100 premis lagi mendapat gred C. Tindakan operasi penutupan premis sehingga Mac telah di buat meliputi 33 premis dan sebanyak 17 premis telah diarahkan tutup. Laporan keseluruhan pemeriksaan premis dan penutupan premis seperti di **Lampiran 1**.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR**3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH**

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada premis yang tidak mempunyai tong sampah dan membuat ‘follow up’ ke atas premis yang telah dikeluarkan notis bagi memastikan premis tersebut menyediakan tong sampah.

Premis perniagaan yang memperbaharui lesen disyaratkan menyediakan tong sampah dan semakan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan bagi memastikan ianya dipatuhi sebelum lesen diperbaharui.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2.2. PEMBUANGAN SAMPAH SISA BINAAN OLEH SYARIKAT KK MUTHU (WTC 7259) DI KAWASAN ZON 9

Mesyuarat dimaklumkan kompaun yang dikenakan kepada syarikat tersebut telah dijelaskan pada 8 Mac 2013. Kerja-kerja pemindahan tong sampah telah selesai dilaksanakan oleh pihak KK Muthu. Tong disimpan di Jalan Merdeka (tapak disewa). Kontena yang yang diletakkan di hadapan rumah KK Muthu akan diambil tindakan selepas Pilihanraya.

Makluman

3.2.3. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan dimasukkan dalam pelan tindakan bulan April 2013. Keraj-kerja pembersihan akan dilaksanakan pada 26 April 2013.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2.4. SAMPAH HARAM DI JALAN MULIA 1/1

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan pada 15 Mac 2013.

Makluman

3.2.5. PAPAN TANDA AMARAN LARANG MEMBUANG SAMPAH DI JALAN H, JALAN J DAN JALAN PERMAI A, TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan papan tanda tersebut masih dalam tindakan pembelian.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2.6. PEMBUANGAN SISA-SISA JUALAN DI TEPI JALAN JALAN ENGGANG TAMAN KERAMAT

Mesyuarat dimaklumkan penjaja berkenaan telah dikenalpasti. Pihak jabatan telah mengambil tindakan memberi nasihat dan pendidikan kesihatan kepada penjaja berkenaan.

Makluman

3.2.7. LONGKANG TERSUMBAT DI ANTARA JALAN PANDAN INDAH DENGAN PANGSAPURI SRI INAI

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan pada 9 April 2013 oleh kontraktor kawasan (PPA 38) dan dibuat secara berkala mengikut jadual 20 hari sekali pusingan.

Makluman**3.2.8. SAMBUNGAN BUMBUNG YANG PANJANG MENGHALANG LORI MASUK UNTUK KUTIPAN SAMPAH DI JALAN BUNGA TANJUNG 8A**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja kutipan sisa pepejal masih dilaksanakan secara manual. Jabatan Bangunan dan Senibina dimohon untuk mengambil tindakan susulan terhadap sambungan bumbung tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina**

*(Minit dipindakan ke Jawatankuasa Perumahan,
Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)*

3.2.9. PELEKAT-PELEKAT DI PAPAN TANDA, SUB STATION DAN ‘FEEDER PILLAR’

Mesyuarat dimaklumkan pembersihan pelekat-pelekat di ‘Feeder Pillar’ adalah di bawah tanggungjawab kontraktor pembersihan dan dibuat mengikut jadual manakala di dalam sub station adalah di bawah tanggungjawab TNB.

Makluman

3.2.10. PEMBERSIHAN JALAN DI JALAN 52, KG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut jadual iaitu 20 hari sekali pusingan. Kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan pada 11 April 2013.

Makluman**3.2.11. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di kawasan ini telah dimasukkan dalam pelan tindakan bulan Mei 2013 iaitu pada 3 Mei 2013.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.12. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada milik tanah iaitu Naza TTDI Sdn. Bhd. Jika tiada tindakan pembersihan dilaksanakan oleh pemilik, pihak Jabatan akan mengambil tindakan pembersihan pada 26 Jun 2013.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.13.TONG SAMPAH KITAR SEMULA DI KAWASAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis membenarkan tong kitar semula di kawasan Majlis sekiranya lokasi bersesuaian dan tidak menimbulkan kacauganggu serta aduan daripada penduduk. Operator kitar semula juga dikehendaki untuk membuat kutipan setiap hari. Semakan terhadap logistik operator kitar semula akan dibuat bagi memastikan ianya berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan kutipan setiap hari dengan bilangan tong yang akan diluluskan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN**3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN**

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih menunggu proses penyerahan daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal sedang dalam tindakan Jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.3. TAMAN PERMAINAN BERSEBELAHAN PANGSAPURI KOJAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Makluman**3.3.4. BAIK PULIH TEMPAT RIADAH DI JALAN MAJU 2/6 TAMAN LEMBAH MAJU**

Mesyuarat dimaklumkan pihak pemaju dalam proses baik pulih tempat tersebut sebelum membuat penyerahan kepada Majlis.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.5. CANTASAN POKOK DI JALAN 47, KG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja cantasan pokok telah dilaksanakan.

Makluman**3.3.6. NAIK TARAF PADANG SEPAK JALAN F1 TAMAN MELAWATI**

Mesyuarat dimaklumkan proses untuk kerja pembaikan padang sedang dalam tindakan Jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.7. CANTASAN POKOK DI HADAPAN FOODCOURT PANDAN CAHAYA

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan sedang menyediakan spesifikasi kerja untuk kerja-kerja cantasan pokok.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.8. CANTASAN POKOK DI JALAN 4 TAMAN MAWAR

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja cantasan pokok telah dilaksanakan.

Makluman

3.3.9. TEBANG POKOK KETAPANG DI DATARAN ANAK MUDA DI AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan pokok tersebut masih stabil. Pihak Jabatan hanya membuat kerja-kerja cantasan dan telah dilaksanakan pada 3 April 2013.

Makluman

3.3.10.NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan padang dalam tindakan Jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat**

3.3.11.GELANGGANG FUTSAL DI JALAN PANDAN INDAH 4/16

Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis tidak mempunyai peruntukan untuk membina padang futsal tetapi pihak Majlis akan membina padang mini futsal sahaja di kawasan tersebut. Cadangan tersebut dalam tindakan Jabatan.

Tindakan :
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.12.NAIK TARAF TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI JALAN 1 AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan di tapak mendapati kemudahan awam di taman permainan tersebut masih boleh digunakan lagi dan tiada keperluan untuk menaiktaraf.

Makluman

3.3.13.PAPAN TANDA NAMA DI TAMAN KELAHIRAN DI HOSPITAL PAKAR AMPANG PUTERI

Mesyuarat dimaklumkan pemberian papan tanda tersebut dalam tindakan Jabatan.

Tindakan :
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.14.PINTU GERBANG TANAH PERKUBURAN TAMAN KOSAS ROSAK

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan tiada halangan sekiranya ada pihak luar yang ingin membaiki pintu gerbang tersebut. Pihak luar tersebut perlu berurusan dengan pihak Jabatan sebelum kerja-kerja di tapak dilaksanakan.

Makluman

3.4. LAIN-LAIN ASPEK**3.4.1. PENEMPATAN SETINGGAN BERHAMPIRAN FLAT 700 PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pihak zakat mengenai bantuan kepada setinggan tersebut. Semakan di lokasi mendapati setinggan masih lagi tinggal di tapak.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

3.4.2. STATUS TAPAK TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL HINDU DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan telah memaklumkan melalui surat perkara ini kepada tiga (3) YB Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam pada 28 Julai 2011 dan sehingga kini tiada sebarang maklumbalas. Pihak Jabatan akan mengeluarkan semula surat kepada Jawatankuasa tersebut selepas Pilihanraya.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina**

**(Minit dipindakan ke Jawatankuasa Perumahan,
Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)**

**3.4.3. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN
DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU**

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan tapak oleh Jabatan Kejuruteraan cadangan untuk membina kolam tadahan tidak bersesuaian kerana ketiadaan tanah. Cadangan jabatan adalah membina longkang permukaan bagi mengalirkan air larian dan pada dinding tembok longkang dibina lubang air bagi air mengalir dengan baik. Sebahagian longkang-longkang di kawasan tersebut juga perlu dinaiktaraf bagi sistem perparitan berjalan lancar. Pihak Jabatan dimohon menyediakan bajet.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

**3.4.4. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN
PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI**

Mesyuarat dimaklumkan papan tanda tersebut masih dalam tindakan pembelian.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.4.5. PEMAKAIAN APRON BERSLOGAN ‘SELANGORKU’

Mesyuarat dimaklumkan pemakaian apron berslogan ‘Selangorku’ akan dilaksanakan pada penjaja pasar juadah Bulan Ramadhan yang akan datang.

Makluman

4.0. HAL-HAL LAIN**TN. ABDUL JALIL BIN HASAN****4.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW BERBUMBUNG**

Beliau memohon gelanggang sepak takraw di Padang Perbandaran Ampang Jaya dijadikan gelanggang berbumbung.

Tindakan :
Jabatan Belia & Masyarakat

TN. FONG TECK KEONG**4.2. LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI**

Beliau memaklumkan terdapat lampu jalan tidak berfungsi di Jalan Merdeka berhadapan Rumah Orang Tua dan di Jalan 3/1 berhadapan Sunrise Park Apartment.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.3. MENURAP JALAN

Beliau memohon Jalan Nirwana 36, Taman Nirwana diturap.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**4.4. PEMBERSIHAN KAWASAN**

Beliau mohon pihak kontraktor Palong Enterprise membuat pembersihan di kawasan cerun di Lot 541, Taman Bukit Jaya dan pemotongan rumput di kawasan lapang seluruh Bukit Antarabangsa hendaklah dibuat mengikut jadual.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.5. AIR BERTAKUNG DI HADAPAN RUMAH NO.41, JALAN BUNGA CEMPAKA 19A, TAMAN MUDA**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan terdapat satu lubang yang besar di hadapan rumah No.41, Jalan Bunga Cempaka 19A, Taman Muda. Air sering bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. Kawasan tersebut semak samun dan menjadi tempat pembuangan sampah. Mohon jabatan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.6. MOHON BINA BONGGOL SEBELUM SIMPANG JALAN RIVERIA

Penduduk tersebut juga mohon dibina bonggol sebelum simpang Jalan Riveria bagi mengurangkan kemalangan di situ.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.7. OPERASI TANGKAP ANJING LIAR DI PANDAN BISTARI

Beliau memohon penjelasan berhubung operasi menangkap anjing liar di Pandan Bistari dan aduan daripada seorang penduduk yang mendakwa Majlis gagal menyerahkan anjing yang ditangkap oleh Majlis untuk dijadikan anjing peliharaan walaupun permohonan telah dibuat.

Drs. Sarordin bin Haji Shaari menjelaskan bahawa operasi anjing liar tersebut dijalankan adalah berdasarkan aduan yang diterima dan semasa operasi dijalankan hanya seekor anjing yang berjaya ditangkap. Walau bagaimanapun, semasa operasi dijalankan terdapat halangan daripada seorang penduduk yang mendakwa anjing tersebut milik beliau dan memohon untuk dibela. Mesyuarat dimaklumkan bahawa anjing yang ditangkap adalah anjing liar dan tidak bertuan. Maka Majlis boleh membuat keputusan untuk meluluskan atau tidak permohonan untuk membela anjing tersebut.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa ada keputusan Majlis sebelum ini bahawa pihak Majlis tiada halangan untuk sesiapa yang ingin membela anjing dengan syarat mendapatkan lesen anjing dan mematuhi syarat-syarat Majlis yang ditetapkan.

Makluman**TN. ABDUL AZIZ BIN AHMAD****4.8. KONTRAKTOR TIDAK MENGANGKAT SAMPAH DI BUKIT INDAH**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan kutipan sampah yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor kawasan di Bukit Indah.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.9. PEMBERSIHAN KAWASAN DI FLAT TAMAN KOSAS

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan keengganan kontraktor kawasan untuk membersihkan kawasan di flat tersebut. Hanya pada bulan April ini sahaja kontraktor kawasan tersebut tidak membuat pembersihan. Kontraktor memberitahu flat tersebut tidak termasuk dalam spesifikasi kerja mereka. Mohon pihak Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan membuat semakan ke atas isu tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.



Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
19April2013

4.3.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.4/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.04/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 23 APRIL 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.16 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd Hamid Bin Hussain (Timb. YDP) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 5. | Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 6. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 7. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 8. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 9. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |
| 10. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 11. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 5. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 6. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 04/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 04/2013 telah diadakan pada 23 April 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN BAGI PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA DI KAMPUNG CHERAS BARU, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Kampung Cheras Baru Mukim Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan sepanjang 6938 meter oleh Tetuan Ghazali & Associates Sdn Bhd merupakan Jurutera Perunding yang dilantik oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

- 2.1.2. Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 1,505,457.87 dan yuran proses sebanyak RM 4,959.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan. Untuk makluman, pihak SYABAS memaklumkan bahawa Wang Cagaran Berkelompok bernilai RM 5.0 juta telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sebelumnya yang dipersetujui oleh Mesyuarat MMKN Selangor Bil 7/2006 bertarikh 5hb April 2006.
- 2.1.3. Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan Negeri Selangor juga telah diperbaharui dan berkuatkuasa dari 1hb Januari 2013 sehingga 31hb Disember 2013 dengan nilai cagaran berjumlah RM 2.0 juta.
- 2.1.4. Pihak SYABAS perlu melaksanakan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penggantian paip lama kepada paip jenis ‘Ductile Iron’ bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air dan tekanan air rendah yang sering dihadapi oleh penduduk sekitar Kampung Cheras Baru.
- 2.1.5. Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

- b) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan.
- d) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan melibatkan bahu jalan.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- f) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan perlaksanaan pembaikan

akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

- g) Pihak SYABAS perlu mengemukakan pelan pengurusan trafik serta papan tanda secara terperinci kepada pihak majlis sebelum kelulusan diberikan.
- h) Pihak SYABAS perlu mengemukakan cadangan penggantian paip lama secara berfasa dan penurapan akhir perlu dilaksanakan setelah penggantian paip siap sepenuhnya di sebahagian fasa tertentu termasuk ujian-ujian berkaitan seperti ujian kebocoran dan sebagainya untuk mengelakkan sebarang permasalahan di tapak dan mengelakkan timbulnya ketidakselesaan pengguna jalan raya.

2.1.6. Mesyuarat bersetuju dengan permohonan permit permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Kampung Cheras Baru Mukim Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan oleh Tetuan Ghazali & Associates Sdn Bhd dengan mematuhi syarat-syarat Jabatan.

2.2. KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI JALAN 27, JALAN PERDANA 5/7, JALAN PERDANA 10/2A DAN JALAN 10/14, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan Jalan di Jalan 27, Jalan Perdana 5/7, Jalan Perdana 10/2A dan Jalan 10/14, Mukim Ampang,

Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan oleh Digi Telecommunications Sdn Bhd. Permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 1150 meter bagi kerja-kerja menaiktaraf rangkaian telekomunikasi sedia ada.

- 2.2.2 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 265,6500.00 dan yuran proses sebanyak RM 635.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.2.3 Cadangan permohonan permit korekan ini melibatkan sebahagian jajaran jalan yang baru diturap dan melibatkan kerja pengorekan jalan yang panjang.
- 2.2.4. Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
 - b) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.

- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan kaedah ‘Mill and Pave’ 3.0 meter lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan dan melaksanakan penurapan keseluruhan lebar jalan bagi jalan-jalan yang baru diturap.
- d) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- f) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan perlaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.2.5. Mesyuarat bersetuju dengan permohonan permit korekan Jalan di Jalan 27, Jalan Perdana 5/7, Jalan Perdana 10/2A dan Jalan 10/14, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan oleh Tetuan Digi Telekomunications Sdn Bhd. Mematuhi syarat-syarat Jabatan.

2.3. KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN BAGI PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA DI TAMAN KERAMAT AU1, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Taman Keramat AU1, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS). Permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 7651.13 meter di sekitar Taman Keramat AU1.

2.3.2 Berdasarkan pemerhatian di tapak, mendapati cadangan pengorekan jalan melibatkan jalan yang baru diturap oleh Majlis atau oleh pihak utiliti lain pada tahun 2012 .

2.3.3 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 2,000,000.00 dan yuran proses sebanyak RM 3,826.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan. Untuk makluman, pihak SYABAS

memaklumkan bahawa Wang Cagaran Berkelompok bernilai RM 5.0 juta telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor seperti mana yang dipersetujui oleh Mesyuarat MMKN Selangor Bil 7/2006 bertarikh 5hb April 2006.

- 2.3.4 Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan Negeri Selangor juga telah diperbaharui dan berkuatkuasa dari 1hb Januari 2013 sehingga 31hb Disember 2013 dengan nilai cagaran berjumlah RM 2.0 juta.
- 2.3.5 Pihak SYABAS perlu melaksanakan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penggantian paip lama kepada paip jenis ‘Ductile Iron’ bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air dan tekanan air rendah yang sering dihadapi oleh penduduk sekitar Taman Keramat AU1.
- 2.3.6. Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
 - b) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh

dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.

- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan.
- d) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan melibatkan bahu jalan.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- f) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan perlaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

- g) Pihak SYABAS perlu mengemukakan pelan pengurusan trafik serta papan tanda secara terperinci kepada pihak Majlis sebelum kelulusan diberikan.
- h) Pihak SYABAS perlu mengemukakan cadangan penggantian paip lama secara berfasa dan penurapan akhir perlu dilaksanakan setelah penggantian paip siap sepenuhnya di sebahagian fasa tertentu termasuk ujian-ujian berkaitan seperti ujian kebocoran dan sebagainya untuk mengelakkan sebarang permasalahan di tapak dan mengelakkan timbulnya ketidakselesaan pengguna jalan raya.
- 2.3.7 Mesyuarat bersetuju dengan permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Taman Keramat AU1, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh pihak SYABAS dengan mematuhi syarat-syarat Jabatan.

2.4. KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI JALAN MELAWATI 1, JALAN C2 DAN JALAN MELAWATI URBAN 2, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN

- 2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan Jalan di Jalan Melawati 1, Jalan C2 dan Jalan Melawati Urban 2, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh Tenaga Nasional Berhad. Permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 256 meter

dari Pencawang Elektrik Jalan Melawati Urban 2 ke Pencawang Elektrik Stesen Suis Country Club (K-Club).

- 2.4.2 Cadangan pengorekan jalan melibatkan jalan yang baru diturap oleh pihak utiliti terdahulu.
- 2.4.3 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 173,750.85 dan yuran proses sebanyak RM 316.50 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.4.4 Pihak Tenaga Nasional Berhad perlu melaksanakan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penggantian kabel 11kV yang telah uzur dan sering mengalami kerosakan untuk mengelakkan gangguan bekalan elektrik kepada Country Club (K-Club).
- 2.4.5. Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
 - a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
 - b) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh

dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.

- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan serta mengecat semula semua tanda jalan.
- d) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- f) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan perlaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.4.6 Mesyuarat bersetuju dengan permohonan permit korekan Jalan di Jalan Melawati 1, Jalan C2 dan jalan Melawati Urban 2, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh pihak TNB dengan mematuhi syarat-syarat Jabatan.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1 KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR MASUK BALAI POLIS AMPANG

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dan kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan dalam tahun ini.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2 KAJIAN ALIRAN TRAFIK

Pihak Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja bagi cadangan projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam melalui peruntukan SELANGORKU. Walau bagaimanapun jabatan masih belum menerima peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.3 JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN) DIBESARKAN

Wakil JKR memaklumkan masih belum menerima sebarang peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya bagi kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan).

**Tindakan:
JKR Ibu Pejabat**

3.4 MENAIKTARAF JALAN

Kertas cadangan bagi Kerja-kerja bagi permohonan menaiktaraf Jalan F, sepanjang jalan dari simpang MRR2 hingga simpang Jalan B, Kg. Pandan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.5 JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di lampu isyarat (Spektrum) Jalan Besar Ampang dan di Jalan Memanda berdekatan Petronas dan Restoran Kayu Nasi Kandar telah dilaksanakan.

Makluman

3.6 MENGECHAT SEMULA TANDA JALAN DAN BONGGOL

Kerja-kerja mengecat semula tanda jalan dan bonggol di Jalan 2 dan 4 Ampang Jaya dalam tindakan kontraktor.

Makluman

3.7 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di Pangsapuri Sri Inai Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman**3.8 TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan telah disenaraikan untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS 2013 bagi lokasi berikut dan proses sebutharga telah ditutup pada 9 April 2013 :-

- a) Di Jalan Kosas Utama 2 dari 'BP Station' sehingga ke Sekolah Menengang Taman Kosas.
- b) Di Jalan Utama Taman Bukit Indah hingga Taman Kosas iaitu dari pasar pagi Kg Tengah sehingga Dewan Taman Ampang Indah.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.9 TURAP JALAN

Proses sebutharga telah ditutup pada 9 April 2013 bagi kerja-kerja penurapan jalan di Jalan Bunga Tanjung 7, Jalan Bunga Mawar 4, Jalan Teratai 1 / 2 serta Jalan Bunga Mawar 2.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.10 PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan untuk menaiktaraf bahu jalan berhampiran Sekolah Rendah Pandan Indah yang sering menjadi takungan air dan rosak apabila hujan lebat dan sering berdebu apabila waktu panas tidak dapat dilaksanakan buat masa ini kerana lokasi tersebut menjadi tempat menunggu untuk mengambil anak-anak sekolah. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembinaan 'scupper drain' telah dilaksanakan. Jabatan diminta untuk meletakkan 'crusher run' di jalan tersebut.

Makluman**3.11 PERMOHONAN PEMBAHAGI JALAN DAN TANDA ARAH JALAN**

Kerja-kerja pembinaan pembahagi jalan dan tanda arah jalan di Jalan Bukit Indah 5 hadapan kawasan rumah kedai kerana terdapat kenderaan yang masuk bertentangan arah jalan akan dilaksanakan pada bulan Mei 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan****3.12 PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BUKIT INDAH UTAMA**

Kerja-kerja pembaikan jalan berlubang di Jalan Bukit Indah Utama akan dilaksanakan pada bulan Mei 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.13 PROSES PENAMPALAN JALAN DI KAWASAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penampalan jalan dilaksanakan mengikut keperluan dan secara berperingkat. Berhubung dengan aduan proses penampalan jalan yang telah dilaksanakan tidak menarik dan kurang memuaskan, dimaklumkan jika ingin diturap semula jalan-jalan di seluruh kawasan, Majlis memerlukan kos yang tinggi dan Majlis tidak mempunyai kemampuan untuk menurap semula jalan-jalan di seluruh kawasan Majlis. Pihak Jabatan akan menyelaras semula kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik dari masa ke semasa.

Makluman**3.14 PENURAPAN JALAN DI JALAN 2/8, TAMAN LEMBAH MAJU**

Kerja-kerja pemberian penurapan jalan di Jalan 2/8, Taman Lembah Maju, akan dilaksanakan dalam program ‘Zero Potholes’.

Makluman**3.15 MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA**

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan Selangorku bagi projek mengatasi banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A tetapi masih belum menerima maklumbalas daripada MBI.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.16 HAKISAN TEHING SUNGAI KERAYONG

Wakil JPS Hulu Langat memaklumkan, pihak sedang memohon kelulusan peruntukan untuk mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Kerayong yang berlaku di Jalan 29/1 Taman Putra. Lawatan tapak juga telah dibuat dan tindakan akan diambil dalam tempoh sebulan. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan pada awal bulan April 2013.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

3.17 KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Jabatan telah menghantar surat makluman susulan kepada pihak JPS pada 16 April 2013 berkaitan kejadian banjir yang berlaku disebabkan halangan dari pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan :
JPS Gombak**

3.18 MASALAH BANJIR DI JALAN KOLAM AIR

Mesyuarat dimaklumkan pihak JPS dalam proses perolehan bagi kerja-kerja mengatasi masalah banjir di Jalan Kolam Air Lama.

**Tindakan :
JPS Gombak**

3.19 MASALAH BANJIR DI FLAT KOS RENDAH PANDAN MEWAH

Jabatan Kejuruteraan diminta membuat kajian semula berkenaan longkang berdekatan Flat Pandan Mewah yang tidak dapat menampung air setiap kali hujan dan berlaku banjir di kawasan tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.20 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja mengadakan 'speed breaker' sebelum bonggol di hadapan Pangsapuri Cengal, Cheras Hartamas telah dilaksanakan.

Makluman

3.21 KEPERLUAN 'SPEED BREAKER'

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja meletakkan 'speed breaker' di simpang jalan ke Jalan Cempaka 8 (simpang ke Petronas dan Caltex) kerana kenderaan dari Taman Dagang terlalu laju.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.22 MOHON BINA DAN CAT BONGGOL

Kerja-kerja pembinaan bonggol di Jalan 6 Taman Halaman telah dilaksanakan pada 10 April 2013.

Makluman

3.23 PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Kerja-kerja pembaikan papan tanda jalan yang telah patah dan rosak di pembahagi jalan berhampiran Danau Mas telah dilaksanakan.

Makluman**3.24 PEMASANGAN PAPAN TANDA YANG KURANG SESUAI**

Kerja-kerja mengalihkan papan tanda tunjuk arah yang kurang sesuai di Taman Bukit Segar yang ditanam di sebelah kiri jalan dan tidak dapat dilihat dengan jelas oleh pemandu telah dilaksanakan.

Makluman**3.25 MEMBAIKI PAPAN TANDA NAMA JALAN DI KAWASAN MAJLIS**

Kerja-kerja pembaikan papan tanda nama jalan dan tunjuk arah yang telah condong telah dilaksanakan.

Makluman**3.26 PERMOHONAN MENGECHAT GARISAN KUNING**

Kerja-kerja mengecat garisan kuning pada bonggol di Jalan Cempaka 1 berhadapan surau Al Falah Taman Cempaka telah dilaksanakan.

Makluman

3.27 KEPERLUAN `RAILING'

Pihak JKR akan memasang ‘guardrail’ di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti).

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.28 WALKWAY' BERBUMBUNG BERTENTANGAN PASAR PAGI TAMAN MUDA

Semakan dibuat terhadap pembinaan “walkway” berbumbung bertentangan pasar pagi Taman Muda dari segi spesifikasi dan aspek keselamatan dan tiada sebarang papan tanda makluman bagi pembinaan tersebut. Jabatan telah menghantar surat makluman kepada pihak JKR pada 30 Januari 2013 untuk tindakan selanjutnya. Jabatan dimaklumkan agensi pelaksana pembinaan tersebut adalah pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.29 ISU LONGKANG DI MASJID MARDHIAH TAMAN MELAWATI

Pihak Masjid masih belum mengemukakan cadangan ubahsuai yang berkaitan hasil daripada perbincangan dengan Jawatankuasa Masjid pada 19 Februari 2013. Surat kepada jawatankuasa masjid telah dikeluarkan pada 2 April 2013.

Makluman

3.30 LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang yang merintangi Jalan Cheras Hartamas di hadapan Pangaspuri Kempas telah dilaksanakan.

Makluman**3.31 LONGKANG ROSAK**

Kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan Sekolah Agama Kg. Cheras Baru telah dilaksanakan pada 17 April 2013.

Makluman**3.32 LONGKANG ROSAK DAN BERLUBANG**

Kerja-kerja pembaikan longkang yang rosak dan berlubang di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.33 LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang tersumbat di Lot 1452, Jalan Indah 1, Kg Ampang Indah menyebabkan banjir berlaku apabila hujan lebat telah dilaksanakan pada 16 April 2013.

Makluman

3.34 PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan longkang di Jalan Bunga Tanjung 10 Taman Muda kerana sering dipenuhi lumpur sedang dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.35 MOHON SELENGGARA LONGKANG

Kerja-kerja pembersihan longkang di tepi Sekolah Agama Lembah Jaya telah dilaksanakan pada 25 Mac 2013 dan jadual berikutnya pada 16 April 2013.

Makluman

3.36 'CULVERT' TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan 'culvert' tersumbat di Lorong E Kg Pandan kerana telah dipenuhi pasir telah dilaksanakan pada 30 Mac 2013. Jadual pembersihan akan datang adalah pada 20 April 2013.

Makluman

3.37 PENYELENGGARAAN 'MONSOON DRAIN'

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan 'monsoon drain' (Sungai Kongsi 8) di Taman TAR akan dilaksanakan oleh pihak JPS Gombak. Pihak JPS telah menyediakan dokumen sebutharga untuk kerja-kerja tersebut dan dijangka diiklarkan pada bulan April 2013.

**Tindakan :
JPS Gombak**

3.38 HAKISAN TANAH

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan kerja-kerja pembinaan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay dalam tindakan kontraktor dan dijadualkan siap dalam tempoh 6 minggu dari tarikh mula kerja pada 19 April 2013.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.39 TANAH RUNTUH

Kerja-kerja penyelenggaraan tanah runtuhan di Lot 205 & 206, Kg. Cheras Baru yang berbahaya kepada penduduk sekitar telah dilaksanakan.

Makluman

3.40 TEHING RUNTUH

Jabatan sedang membuat permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan tebing runtuhan (monsun drain) di Jalan Enggang 13 melalui peruntukan Geran Selangorku.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.41 LAMPU JALAN

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.42 LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan yang telah rosak dan tidak menyala di Jalan Bukit Belacan (depan kuari sehingga ke simpang Kg Muhibbah) telah dilaksanakan oleh pihak JKR.

Makluman**3.43 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan yang tidak menyala di sepanjang Lorong Bunga Matahari 1B (tepi padang Taman Maju Jaya Fasa 3) telah dilaksanakan.

Makluman**3.44 MOHON PEMBAIKAN LAMPU ISYARAT**

Kerja-kerja pembaikan lampu isyarat dari Ukay Perdana ke MRR2 telah dilaksanakan.

Makluman**3.45 LAMPU ISYARAT TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK**

Lampu isyarat di persimpangan Carefour (hadapan satay station) yang tidak berfungsi dengan baik telah diselaraskan.

Makluman**3.46 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH**

Kerja-kerja untuk memasang lampu limpah tambahan di padang permainan di Jalan Kosas 2/6, Taman Kosas fasa 2 dan di padang permainan Jalan Indah 3/7, Taman Ampang Indah Fasa 3 sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.47 KEPERLUAN LAMPU JALAN DI TAMAN MESTIKA

Kerja-kerja tambahan lampu jalan di Taman Mestika kerana kawasan tersebut agak gelap adalah dibawah tanggungjawab pihak MC. Surat makluman telah dikemukakan kepada pihak MC untuk tindakan.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.48 HALANGAN LALUAN KE PANGSAPURI SRI HIJAUAN

Halangan pagar yang dibina oleh penduduk Pangsapuri Sri Puteri adalah di luar kawasan JMB telah dibuka. Halangan yang terdapat di Jalan UP 2/1 juga telah dialihkan dan jalan tersebut dibuka untuk laluan awam.

Pihak pemaju perlu meminda pelan pra hitungan sekiranya dewan tersebut adalah milik Pangsapuri Sri Hijauan dan perlu menyediakan tapak gantian dewan untuk penduduk di Ukay Perdana. Surat pemakluman kepada pemaju Ukay Land Sdn.Bhd. telah dikemukakan pada 26 Februari 2013.

Pihak COB juga diminta membuat semakan untuk laluan masuk yang lebih sesuai untuk kemasukan dari luar tanpa melalui kawasan pangsapuri tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar /
Bahagian COB**

3.49 LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik rumah pada 7 Oktober 2012 dan telah tamat tempat notis. Kertas siasatan telah dihantar ke Jabatan Undang-undang pada 10 April 2013.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Undang-Undang

3.50 BINA PAGAR DI TANAH PERKUBURAN

Kerja-kerja pembinaan pagar di Tanah Perkuburan Islam CherasBaru dalam tindakan kontraktor HNI Cemerlang.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.51 PROGRAM 'RIVER OF LIFE'

Mesyuarat dimaklumkan berhubung program ROL, pihak Majlis hanya perlu mengemukakan maklumbalas kepada pihak MTES dan tidak perlu dibuat pembentangan susulan daripada keputusan minit mesyuarat EXCO MTES bil 3/2013 bertarikh 16.1.2013. Walau bagaimanapun jabatan telah membuat pembentangan berkenaan isu tersebut dengan pihak Syarikat JGA Construction Sdn. Bhd.

Makluman

3.52 CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok besar di sekeliling Flat Ampang Hilir iaitu di Jalan Hilir 4 dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.53 CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di kawasan Bukit Indah berhadapan Sekolah Menengah Bukit Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.54 CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok berhadapan Pangsapuri Kempas telah dilaksanakan.

Makluman

3.55 CANTAS POKOK DI TAMAN SRI WATAN

Pihak jabatan diminta membuat cantasan pokok di sekitar gerai UPEN dan tepi padang bola sepak Taman Sri Watan.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.56 MENAIKTARAF PADANG DI TAMAN SRI WATAN

Kerja-kerja menambak pasir untuk mengatasi air bertakung di padang Taman Sri Watan dalam tindakan kontraktor .

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.57 LALUAN TREK JOGGING

Kerja-kerja pembaikan laluan trek jogging di kawasan lapang Flat Pandan Indah 3/3 berhampiran Dewan Orang Ramai dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.58 PEMBAIKAN TAMAN PERMAINAN

Kerja-kerja penyelenggaraan taman permainan dan kemudahan gelanggang serta pagar di padang Jalan 1/9 Taman Dagang akan disenaraikan dalam kerja-kerja untuk tindakan jabatan.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.59 PADANG PERMAINAN SEMENTARA DI FLAT AMPANG SAUJANA

Jabatan memaklumkan permohonan penduduk di Flat Ampang Saujana supaya diwujudkan padang permainan sementara di tapak Blok A3 yang terbiar tidak dapat dibuat kerana kawasan lapang tersebut adalah milik pemaju dan telah ada cadangan pembangunan di kawasan tersebut.

Makluman

3.60 PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhki semak samun dan belukar. Pihak TNB akan menjalankan tindakan pembersihan di kawasan tersebut.

Tindakan :
TNB

3.61 PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Penyelenggaraan pencawang-pencawang elektrik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakan pencawang telah dipenuhi rumput dan memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis. Pihak TNB akan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan.

Tindakan :
TNB

3.62 SEMAK SAMUN DI JALAN MASUK KE CHERAS HARTAMAS

Semakan jabatan mendapati tanah yang berkeadaan semak samun ke jalan di laluan masuk ke Cheras Hartamas adalah milik CL Mall Sdn.Bhd. Notis untuk kerja pembersihan telah dikeluarka pada 12 Mac 2013.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.63 PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN

Kerja-kerja pembersihan di tepi jalan berhampiran dengan Bayu Mas telah dilaksanakan pada 27 Mac 2013 dan jadual pembersihan akan datang pada 15 April 2013.

Makluman

3.64 SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Semakan jabatan mendapati tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah merupakan tanah rezab sekolah. Notis untuk pembersihan telah dikeluarkan pada 1 April 2013.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.65 PEMBERSIHAN KAWASAN TEPI SUNGAI

Semakan jabatan mendapati kawasan tepi sungai di belakang kuarters Sekolah Rendah Pandan Indah merupakan rezab JPS. Notis untuk pembersihan telah dikeluarkan pada 1 April 2013.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.66 PEMBERSIHAN KOLAM

Kerja-kerja pembersihan sekeliling kawasan kolam di hadapan Danau Mas telah dilaksanakan pada 27 Mac 2013 dan jadual pembersihan akan datang pada 15 April 2013.

Makluman

3.67 MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak LT untuk mendirikan boomgate di lokasi tersebut.

Mesyuarat juga mencadangkan supaya diadakan program pendidikan kepada masyarakat di kawasan tersebut berkenaan kaedah pembuangan sampah dengan cara yang betul.

**Tindakan :
Bahagian COB /
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.68 SAMPAH DAN KABEL YANG DITINGGALKAN

Pihak utiliti telah mengalihkan kabel dan membersihkan jalan yang telah dikotori di tapak Zon Hijau di hadapan Bulatan Segar Jaya 2.

Makluman

3.69 SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA

Pihak jabatan dalam proses pembelian papan tanda 'Dilarang Membuang sampah' untuk diletakkan di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.70 PENIAGA MENINGGALKAN SISA BUANGAN KELAPA

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap peniaga menjual air kelapa di Jalan 1/11 Taman Dagang yang meninggalkan sisa buangan kelapa di bahu jalan.

Makluman

3.71 PEMBUANGAN SAMPAH KE JALAN SUSUR HILLVIEW

Kerja-kerja pembersihan sampah haram di jalan susur Hillview telah dilaksanakan pada 19 April 2013.

Makluman**3.72 SAMPAH TIDAK DIKUTIP**

Kerja-kerja kutipn sampah di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda dijalankan mengikut jadual. Lokasi tersebut dijadikan tempat pembuangan sampah oleh penduduk dan peniaga yang tidak bertanggungjawab dan menyebabkan aduan sering berulang.

Makluman**3.73 RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA**

Mesyuarat memohon supaya rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama supaya dapat dialihkan ke lokasi yang lebih sesuai kerana keadaan rumah sampah yang telah uzur dan rosak serta tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan serta Jabatan Bangunan dan Senibina diminta untuk menyemak dan membuat penyelarasan berkaitan isu ini.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.74 LAPORAN PRESTASI KONTRAKTOR

Pihak jabatan dalam penyediaan Laporan Prestasi Kontraktor bagi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang akan datang.

Makluman**3.75 TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN**

Tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap tong kitar semula yang diletakkan tanpa kebenaran di tepi Pangsgupri Cengal namun terdapat rayuan dari pihak terlibat. Jabatan sedang meneliti perkara ini semula.

Tindakan :**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****3.76 ANJING LIAR**

Jabatan memaklumkan telah menangkap 3 ekor anjing liar yang berkeliaran di sekitar Pangsgupri Bukit Segar dan Pangsgupri Cemara. Pemantauan dari masa ke semasa akan dilaksanakan.

Makluman**3.77 STRUKTUR GERAI YANG DITINGGALKAN**

Tindakan telah ambil ke atas khemah yang ditinggalkan di atas bahu Jalan BS9, Taman Bukit Segar pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.78 GERAI UPEN DI TAMAN SRI WATAN

Jabatan telah mengeluarkan notis penyediaan tong sampah kepada peniaga di Gerai UPEN di Taman Sri Watan yang tiada tempat pembuangan sampah menyebabkan peniaga membuang sampah di celah-celah lorong bangunan.

Makluman**3.79 PEMBAIKAN DEWAN ORANG RAMAI**

Pihak jabatan telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dewan orang ramai di Dewan Taman Cempaka dan kerja-kerja dijangka siap pada hujung bulan April 2013.

Makluman**3.80 MEMBAIK PULIH DEWAN SRI WATAN**

kerja-kerja membaik pulih Dewan Sri Watan telah dilaksanakan.

Makluman**3.81 MOHON PAGAR DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3**

Mesyuarat memutuskan supaya jabatan mengadakan perbincangan bersama Ahli Majlis berkaitan berkenaan kesesuaian lokasi bagi pembinaan pagar di sekitar Dewan Orang Ramai Jalan 3/3 Pandan Indah untuk mengatasi kegiatan tidak bermoral yang dilakukan oleh remaja di kawasan tersebut.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.82 PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

Pihak jabatan sedang menyelaraskan permohonan mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas dengan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan memohon supaya proses pewartaan dibuat secepat mungkin.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.83 MOHON PEMBAIKAN TANDAS DI MEDAN SELERA AU5

Kerosakan tandas di Medan Selera AU5 telah dibaiki.

Makluman

3.84 MENAIK TARAF PASAR PEKAN AMPANG

Kerja-kerja menaiktaraf pasar Pekan Ampang telah dilaksanakan.

Makluman

3.85 PEMBINAAN 'HOARDING' DI TAPAK PEMBINAAN 'THE MARKS'

Semakan jabatan mendapati pemaju terpaksa membina 'hoarding' mudah alih disebabkan terdapat kerja-kerja pembinaan 'basement' di kawasan yang sepatutnya dibina 'hoarding' mengikut pelan kelulusan 'hoarding'.

Makluman

3.86 TEMPAT LETAK KERETA DISALAHGUNA

Semakan jabatan mendapati tiada lagi lori sampah yang diletakkan di kawasan tapak tempat letak kereta bersebelahan TNB di Jalan 6/11 Tasek Tambahan.

Makluman**3.87 MOHON BAIKI 'BUS STOP'**

Kerja-kerja membaiki 'bus stop' di Ampang Avenue telah dilaksanakan.

Makluman**3.88 SETINGGAN DI KG MUHIBBAH**

Pihak Jabatan telah menghantar surat kepada pihak PTD Hulu Langat pada 26 Mac 2013 untuk semakan status tanah di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga asing (Indonesia).

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.89 PEMBINAAN TANGKI AIR

Mesyuarat dengan pemaju telah dilaksanakan pada 21 Disember 2012 berkenaan pembinaan tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan tindakan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam. Semakan jabatan pada 9 April 2013 mendapati meter individu masih belum dipasang dan dalam tindakan pihak SYABAS dan pihak pemaju.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.90 ISU PEMBINAAN TEMBOK DI TAMAN SERAYA

Berhubung isu pembinaan tembok keselamatan di hujung Jalan Bunga Melati 1 dan 3 Taman Seraya. Pihak Majlis telah mengarahkan pemohon untuk mendapatkan kebenaran dari Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Selain itu, pemilik rumah tersebut diminta melantik jurutera bertauliah untuk membuat pengesahan kekuahan struktur tersebut. Pemilik rumah tersebut juga diminta mengemukakan surat tanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku terhadap tembok tersebut.

Jabatan memaklumkan sehingga kini pemilik masih belum mengemukakan sebarang maklumbalas dan dokumen seperti yang dikehendaki oleh jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina /
Jabatan Kejuruteraan**

**3.91 LALUAN PEJALAN KAKI DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3
PANDAN INDAH**

Kerja-kerja pembinaan laluan pejalan kaki di Dewan Orang Ramai Jalan 3/3 Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.92 BONGGOL DI JALAN E2 TAMAN MELAWATI

Semakan dilokasi mendapati tiada keperluan pembinaan bonggol di Jalan E2 – E9 Taman Melawati kerana jalan tersebut merupakan jalan mati. Surat makluman juga telah dihantar kepada ahli majlis berkaitan pada 2 April 2013.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD. KAMIS****4.1 TAMBAKAN PASIR DI PADANG BOLA JALAN H KG. PANDAN**

Beliau memohon supaya pihak Majlis dapat menambak pasir di padang bola di Jalan H, Kg. Pandan Dalam kerana lokasi tersebut sering menjadi takungan apabila musim hujan lebat.

Tindakan:**Jabatan Belia dan Masyarakat****4.2 LONGKANG TERSUMBAT**

Longkang di Gerai PLB Jalan A Kg. Pandan tersumbat menyebabkan longkang tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk. Mohon jabatan untuk mengambil tindakan segera.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan****4.3 TURAP JALAN**

Mohon kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di Jalan Nirwana 36, Taman Nirwana.

Tindakan:**Jabatan Kejuruteraan****4.4 SALURAN PAIP MASUK KE LONGKANG**

Mohon semak paip (berwarna hitam) yang keluar dari tanah dan disalurkan ke longkang depan jalan Dagang 1/11, Taman Dagang (simpangmasuk ke Taman Dagang Fasa 1).

Tindakan:**Jabatan Kejuruteraan**

4.5 KEJADIAN PAIP PECAH

Beliau memaklumkan terdapat kejadian paip pecah di Lorong C4 Kg. Pandan dan seterusnya menyebabkan kepada kerosakan pada 'sustation' TNB yang terletak berhampiran lokasi tersebut. Mohon pihak berkenaan mengambil tindakan segera.

**Tindakan:
Syabas/ TNB**

4.6 SAMPAH SARAP DI MEDAN SELERA ANGSANA HILIR KG. PANDAN

Sampah sarap bertaburan di sekitar Medan Selera Angsana Hilir Kg. Pandan. Mohon disediakan tong sampah di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH**4.7 KEJADIAN BANJIR KILAT**

Masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan berpunca dari 2 palung kecil menyebabkan sampah sarap tersangkut. Penduduk mencadangkan supaya 2 palung tersebut dijadikan 1 palung sahaja.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN LIM FONG LEN**4.8 LONGKANG PECAH**

Terdapat longkang pecah di No. 49, Jalan 5, Pandan Mewah dan menyebabkan banjir apabila berlaku hujan lebat. Mohon tindakan diambil.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN HAJI ALI BIN ISMAIL**4.9 PERMOHONAN BONGGOL**

Beliau memohon supaya dapat diadakan bonggol dilokasi-lokasi seperti berikut:

- i. Lorong 1/1C Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan
- ii. Lorong 1/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (2 unit)
- iii. Lorong 2/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (2 unit)
- iv. Jalan 1/2 Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (3 unit)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.



Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26April2013

4.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.4/2013

MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**BIL.04/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**TARIKH : **24 APRIL 2013 (RABU)**MASA : **9.30 PAGI – 10.25 PAGI**TEMPAT : **BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ****KEHADIRAN AHLI MAJLIS**

| | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob (YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 7. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 8. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 9. | Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad | - | " |
| 10. | Tn. Abd Hamid Bin Hussain | - | TYDP, MPAJ |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

| | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 2. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 3. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 4. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |

LAMPIRAN D**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 04/2013****LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN
TAKSIRAN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 04/2013 telah diadakan pada 24 April 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 MAC 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2013 ialah sebanyak RM46.30juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 166,946 bil bagi tempoh penggal pertama dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mac 2013 ialah sebanyak RM33.58juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM29.53juta; 63.77% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM4.05juta; 32.36%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Mac 2013 dan 31 Mac 2012.

| Perbandingan kutipan cukai taksiran | | | |
|-------------------------------------|---------------------|---------------------|---|
| Perkara | 01/01/13 – 31/03/13 | 01/01/12 – 31/03/12 | Ulasan |
| Kutipan cukai semasa | RM29.53juta | RM26.88juta | Peningkatan kutipan cukai semasa RM2.65juta; 8.97% |
| Kutipan tunggakan cukai | RM4.05juta | RM3.97juta | Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.08juta; 1.98% |
| Jumlah | RM33.58juta | RM30.85juta | Peningkatan kutipan keseluruhan RM2.73juta; 8.13% |

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai taksiran 1 Januari 2013 sehingga 31 Mac 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 28 Februari 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

| Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK | | | |
|--|----------------------------|-------------------|--------------------|
| Jenis cukai taksiran | Sasaran kutipan arahan SUK | Pencapaian Majlis | Kekurangan sasaran |
| Cukai semasa | RM41.67juta | RM29.53juta | RM12.14juta |
| Tunggakan cukai | RM8.77juta | RM4.05juta | RM4.72juta |

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.

- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.

- h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke Convergent Technologies Operating System (CTOS).

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mac 2013.

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 MAC 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 31 Mac 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM17.51juta atau 14.84% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari 2012 hingga 31 Mac 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 31 Mac 2013 berjumlah RM13.30juta dengan perbelanjaan RM11.94juta atau 87.78%. Laporan perincian perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 & 2012 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 31 Mac 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2012 dari 1 Januari 2012 sehingga 31 Mac 2013.

2.3. PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI) KE ATAS BANGUNAN KOSONG SEPANJANG PENGGAL KEDUA CUKAI TAHUN 2012 (JULAI-DISEMBER 2012)

- 2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan Pulangan Balik Cukai Taksiran (Remisi) Ke Atas Bangunan Kosong Sepanjang Penggal Kedua Cukai Tahun 2011 (Julai-Disember 2012).
- 2.3.2. Sepanjang penggal kedua cukai Julai-Disember 2012, pihak Jabatan telah menerima dan memproses sebanyak 125 permohonan yang layak diberikan pemulangan balik Cukai Taksiran.
- 2.3.3. Hasil dari pengesahan REMISI yang perlu dikembalikan adalah sebanyak 176,954.28 , perkiraan ini adalah mengambilkira bilangan hari yang layak dipertimbangkan seperti di **Lampiran 4**.
- 2.3.4. Pemakluman kekosongan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :
- 2.3.4.1. Bangunan dalam berkeadaan baik dan layak untuk diduduki;
- 2.3.4.2. Ada usaha untuk mendapatkan penyewa;
- 2.3.4.3. Bangunan didapati telah kosong melebihi tempoh sebulan;
- 2.3.4.4. Telah menjelaskan cukai taksiran semasa.

2.3.5. Mesyuarat **mengambil maklum dan bersetuju** dengan jumlah REMISI sebanyak RM 176,954.28 dan diselaraskan semula dalam transaksi setiap akaun yang terlibat.

2.4. BAYARAN KHAS SELANGORKU TAHUN 2013

2.4.1. Mesyuarat dimaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung Bayaran Khas Selangorku Tahun 2013 kepada penjawat awam yang berkhidmat di jabatan/Agenzi Negeri Selangor.

2.4.2. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 13 yang bersidang pada 3 April 2013 telah membuat keputusan untuk memberi bonus tambahan dalam bentuk Bayaran Khas Selangorku sebanyak RM300.00 kepada setiap kakitangan awam Negeri Selangor.

2.4.3. Bayaran Khas Selangorku ini dibayar kepada semua pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Pelaksana.

2.4.4. Pembayaran Bayaran Khas Selangorku Tahun 2013 ini melibatkan pembayaran dengan menggunakan peruntukan kewangan sedia ada Jabatan/Agenzi yang berkenaan.

2.4.5. Implikasi kewangan bagi bayaran Bayaran Khas Selangorku Tahun 2013 adalah seperti berikut :

| Bil | Kategori | RM |
|---------------|--------------------------|-------------------|
| 1. | VU7 | 300.00 |
| 2. | Pengurusan & Profesional | 12,900.00 |
| 3. | Pelaksana | 201,900.00 |
| Jumlah | | 215,100.00 |

2.4.6. Kertas ringkasan MMKN berkaitan Bayaran Khas Selangorku Tahun 2013 adalah seperti di **lampiran 5**.

2.4.7. Mesyuarat mengambil maklum pembayaran bonus tambahan dalam bentuk Bonus Simpanan Selangorku dan dibayar dengan dua kaedah :

- a) Bagi kakitangan yang beragama Islam, wang akan dimasukkan ke dalam Tabung Hajji; dan
- b) Bagi kakitangan yang bukan beragama Islam, wang akan diberikan dalam bentuk Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) dan pembayaran ini dibayar pada pertengahan bulan April 2013.

Dato' Pengurus memohon Bahagian Pengurusan Sumber Manusia membuat semakan dan pengesahan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Negeri Selangor berhubung pembayaran bonus Selangorku kepada Ahli-Ahli Majlis. Jika pihak Kerajaan Negeri memutuskan bayaran boleh dibuat dan tertakluk kepada kedudukan kewangan Majlis, maka mesyuarat bersetuju untuk membuat bayaran tersebut kepada Ahli-Ahli Majlis MPAJ. Jika sebaliknya ia tertakluk kepada keputusan asal MMKN pembayaran tidak akan dilaksanakan.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.

Mesyuarat dimaklumkan jumlah tunggakan Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. sehingga bulan Mac 2013 adalah sebanyak RM 285,129.57.

Tindakan :
Jabatan Perpendaharaan

3.2 PENGURUSAN PERKHIDMATAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN KAWASAN

Mesyuarat dimaklumkan prestasi kontraktor bagi bulan Mac 2013 di mana sebanyak 480 NTC telah dikeluarkan dan satu kontraktor telah diberi surat tunjuk sebab kerana prestasi di bawah 80%. Sebanyak 65 kontraktor telah dibuat pemotongan bayaran.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, sehingga kini pihak Jabatan masih belum menerima dokumen hak milik untuk proses lelongan. Mesyuarat meminta agar pihak Jabatan Undang-Undang berjumpa dengan pegawai yang berkaitan di Pejabat Pengarah Galian Selangor.

Tindakan :
Jabatan Undang-undang

3.4 STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja perobohan dan pembinaan semula bangunan dewan telah mula dijalankan dan dijangka siap dalam tempoh 3 bulan.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.5 STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan dana tambahan telah diluluskan sebanyak RM600,000.00 kepada Majlis untuk pembinaan dewan tersebut. Penyelarasan semula reka bentuk dan senarai kuantiti sedang dibuat.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.6 PERUNTUKAN MARRIS BAGI TAHUN 2013

Mesyuarat dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga telah bersidang pada 20 April 2013 dan 31 syarikat telah dilantik bagi pelaksanaan 31 projek MARRIS. Dijangka minggu hadapan kerja-kerja di tapak akan dilaksanakan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.7 MENAIKTARAF DEWAN DATO' AHMAD RAZALI

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan mengambil maklum cadangan menaiktara, namun atas dasar kekangan serta keperluan semasa ianya tidak dapat dilaksanakan pada tahun hadapan. Pelaksanaan akan dibuat di masa akan datang.

Makluman

3.8 PENYEWAAN 'FOOD COURT' MAJLIS DI PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada peniaga yang disyaki menyewakan gerai kepada orang lain (sewa atas sewa) sebelum tindakan bersesuaian akan diambil termasuk menamatkan penyewaan kepada peniaga tersebut.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh ;
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26April2013

4.5.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.4/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.04/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 26 APRIL 2013

MASA : 9.30 PAGI – 10.19 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,TINGKAT 16,
MPAJ

KEHADIRAN AHLI MAJLIS

- | | | |
|---|---|-------------|
| 1. Y.Bhg. Dato, Mohammad Bin Yacob (YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | " |
| 4. Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 5. Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 6. Tn Hj Meor Rthuan Bin Muhamed Said | - | " |
| 7. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 8. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 9. Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 10.Tn. Abd. Hamid Bin Hussain | - | TYDP, MPAJ |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|--------------------------|---|-------------|
| 1. Tn. Hamsah Bin Djabir | - | Ahli Majlis |
| 2. Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 3. Tn. A Yazid Bin Alias | - | " |
| 4. Tn. Wong Khai Pun | - | " |

A large, semi-transparent watermark is positioned in the center of the page. It consists of the word "SULIT" written in a bold, sans-serif font. The letters are oriented diagonally, sloping upwards from left to right. The "S" is on the bottom-left, "U" is in the middle, "L" is on the top-right, and "I" is positioned above the "T".

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PUENUH MAJLIS MPAJ BIL 04/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.04/2013 telah diadakan pada 26 April 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan bagi tahun 2013.

2.1.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah

pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisemen lain yang sama dengannya.

- 2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupuntur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

- 2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan di bawah seperti di **Lampiran 1** :

- i. Urutan Tradisional JM Syam Enterprise - Lulus
- ii. Orange Traditional Massage – Lulus

2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/KAFE SIBER

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2013.

2.2.2 Pusat Siber adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.2.3 Kafe Siber adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.2.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja. Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.

2.3.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber di bawah seperti di **Lampiran 2** :

- i. T2 Internet Café Sdn.Bhd. - Tolak.
- ii. Netstory Trading and Services – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.
- iii. A E Station – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun
- iv. Starcom Trading and Services – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.
- v. DVN Enterprise - Lulus
- vi. Propaducon Sdn.Bhd. – Lulus

2.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - KAFE

- 2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat – Kafe bagi tahun 2013.
- 2.3.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.
- 2.3.3 **Kafe** bermaksud restoran atau ‘coffee house’ yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.
- 2.3.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000
- 2.3.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Kafe seperti di **Lampiran 3** :

- i. Masque Entertainment Sdn.Bhd. – Lulus dengan mengemukakan sokongan bomba.
- ii. May LV Café & Pub – Tolak .

2.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN –PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER

- 2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Awam – Snuker bagi tahun 2013.
- 2.4.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.
- 2.4.3 **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (*indoorgame*) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (*the cue*).
- 2.4.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.
- 2.4.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan awam – Snuker oleh Sembil Enterprise Sdn.Bhd. dengan syarat mengemukakan surat sokongan bomba dan menjelaskan bayaran kompaun seperti di **Lampiran 4**.

2.5 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN – PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER

- 2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan –pusat hiburan awam-Snuker - bagi tahun 2013.
- 2.4.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.
- 2.4.3 **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (*indoorgame*) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (*the cue*).
- 2.4.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.
- 2.4.5 Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan pembaharuan baru lesen hiburan dan tempat hiburan-pusat hiburan awam – Snuker oleh Century Venture Snooker Centre kerana tidak mematuhi garispanduan yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 5**.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1 GERAI PLB DI JALAN 3/10 PANDAN INDAH

Peniaga asal yang ditawarkan gerai PLB No. 8 tidak memasuki gerai sehingga tamat tempoh yang diberikan. Notis pemberitahuan pembatalan tawaran telah dikeluarkan pada 14 Mac 2013 dan pihak Jabatan memberi tawaran gerai tersebut kepada colon simpanan pertama namun beliau menolak. Oleh yang demikian jabatan telah menawarkan gerai tersebut kepada calon simpanan kedua.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2 KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap 10 gerai tanpa lesen yang bermiaga di sekitar Taman Mulia Jaya dengan tindakan berikut:

- i) Notis dikeluarkan pada 15 Januari 2013 dan 21 Januari 2013.
- ii) Tindakan sitaan ke atas gerai warga asing pada 31 Januari 2013

Pemantauan berikutnya ialah pada 17 April 2013 mendapati 2 gerai masih meninggalkan barang perniagaan. 2 notis telah dikeluarkan iaitu notis 11158 dan 11161 di bawah seksyen 46 (1)(a) dan 46 (1)(d). Tempoh notis ialah 30 hari. Tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas pilihanraya.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &
Kesihatan/ Jabatan Penguatkuasa

3.3 TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI

Surat daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bertarikh 4 Januari 2013 memaklumkan bahawa tapak cadangan gerai iaitu di simpang empat menuju Ampang Avenue tersebut adalah tanah kerajaan. Jabatan akan mengemukakan permohonan pewartaan tapak tersebut sebagai Rezab Perniagaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4 ISU PENYEWAAN GERAI UPEN DI LRT PANDAN JAYA

Temuduga kemasukan peniaga baru di Gerai UPEN LRT Pandan Jaya telah dilakukan pada 9 April 2013 dan surat tawaran juga telah dikeluarkan pada 22 April 2013 kepada pemohon yang bersetuju dan gagal.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.5 GERAI DI TAMAN BUKIT SEGAR

Kompaun telah dikeluarkan pada 16 November 2012 terhadap sebuah gerai yang menjual nasi lemak di hadapan bangunan rumah kedai baru di Taman Bukit Segar yang meninggalkan payung di lokasi tersebut setelah selesai bermiaga. Pemantauan pada 16 April 2013 mendapati

payung dan meja yang ditinggalkan di bahu Jalan Cemara 1 telah tiada di lokasi tersebut.

Makluman

3.6 ISU PENIAGA GERAI YANG MENYIMEN TAPAK GERAI

Tindakan notis telah dikeluarkan pada 10 April 2013 terhadap penjaja gerai di Jalan Perdana 2/1. Tempoh notis adalah 7 hari dan tamat pada 18 April 2013. Tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas pilihanraya.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
Jabatan Penguatkuasa

3.7 GERAI TOSEI DAN CAPATI YANG TIDAK BERLESEN

Laporan berakhir pada 15 April 2013 berkaitan permohonan gerai sementara dari kaum India yang memohon untuk menjaja makanan dan minuman adalah sebanyak 6 permohonan. Terdapat 4 permohonan ditolak, tiada permohonan diluluskan dan 2 permohonan dalam proses.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.8 GERAI UPEN DI HADAPAN FLAT UTM AU3

Jabatan memaklumkan notis pengosongan gerai telah dikeluarkan kepada pemilik gerai UPEN yang difahamkan telah menyewakan gerai kepada pihak lain di hadapan Flat UTM AU3. Penyewa asal (Puan Faezah bt Abd Kadir) telah membuat rayuan dan berjanji tidak akan menyewakan

pada orang lain. Beliau telah menjelaskan semua bil-bil yang berkaitan.

Dimaklumkan sehingga kini wanita yang berniaga berhampiran Flat PKNS AU3 masih tidak membuat permohonan untuk menyewa gerai tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.9 LESEN BERNIAGA SEMENTARA DI HADAPAN MASJID AL AZIM

Pihak Jabatan telah menghubungi pihak pengurusan Masjid bagi memberi laluan kepada peniaga-peniaga ini berniaga di TLK Masjid Al-Azim yang berhampiran dengan pintu masuk. Pihak masjid pada dasarnya tiada halangan untuk berniaga pada hari Jumaat sahaja.

Jabatan akan mengambil tindakan terhadap penjaja haram yang berniaga di luar kawasan masjid selepas pilihanraya.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.10 LOKASI PASAR PAGI DI JALAN 1, AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan satu mesyuarat bersama penjaja pasar pagi di Jalan 1, Ampang Jaya telah diadakan pada 15 April 2013. Ini adalah susulan daripada cadangan supaya lokasi pasar pagi yang diadakan pada setiap pagi Ahad dipindahkan ke tapak pasar malam kerana tapak sediada kurang sesuai. Mereka yang hadir tidak bersetuju dengan

cadangan berpindah ke lokasi baru kerana tempat tersebut tidak memberangsangkan dari segi sambutan penduduk. Berkaitan isu kebersihan, mereka yang bermiaga membersihkan sendiri tapak dan sampah diangkut oleh kontraktor Majlis kemudian.

Mesyuarat juga memaklumkan peniaga di situ telah mendapatkan tandatangan dari penduduk setempat dan pada dasarnya penduduk bersetuju pasar yang diadakan di lokasi tersebut. Dato' Pengerusi mencadangkan supaya diadakan sesi pendengaran awam untuk sebarang isu yang dibangkitkan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26April 2013

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 1**1) URUTAN TRADISIONAL JM SYAM ENTERPRISE (6-11979 Jld. 2)**

- Nama pemohon : Jusen Anak Mijey
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 17M, Jln. Pandan Indah 4/8,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 01/04/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23/10/2012.
- Ulasan PBK : Tiada
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 3 orang (perempuan)
- Sijil Kelayakan : O Care Foot Reflexology & Massage
dan Majlis Latihan Vokasional
Kebangsaan (MLVK)
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan
yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

2) ORANGE TRADITIONAL MASSAGE (6-12238 Jld. 2)

- Nama pemohon : Heng Choi Peng
- Jawatan : Pemilik
- Alamat premis : A-6-1, Merdeka Place, Jalan MPL 3
Off Jalan Merdeka
68000 Ampang.
- Kawasan : Taman Seri Merdeka
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 22/04/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.4.2013
- Ulasan PBK : Tiada
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2011 di No. 3-1,
Jalan Perubatan 2, Pandan Indah.
(mohon tukar alamat kerana
diarahkan berpindah kerana premis
hampir dengan Balai Polis Pandan
Indah)
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 4 orang (perempuan)
- Sijil Kelayakan : Joanna Hoare Institute of
Aromatherapy, Rawatan Tradisional
AliCorry Beauty Academy dan Best
Friend Foot Massage & Health herapy
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan
yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2

1) T2 INTERNET CAFÉ SDN BHD (6-12668 (KS) Jld.2)

- Nama pemohon : Chan Siew Yin
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 77 & 79 Jalan Bunga Tanjung 8B,
Taman Muda, 68000 Ampang
- Kawasan : Taman Muda
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 05/04/2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 4 kompaun :
19/09/12 - UUK 14(j), UUK Pusat Siber dan Kafe
Siber MPAJ 2007- Membenarkan pelajar
berpakaian seragam sekolah masuk @ berada
di premis.
7/1/2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe
Siber MPAJ 2007 - Menjalankan aktiviti pusat
siber tanpa lesen.
7/1/2013 - UUK 7, UUK Pusat Siber dan Kafe
Siber MPAJ 2007 - Menaikkan papan iklan
tanpa lesen.
16/1/2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe
Siber MPAJ 2007 - Menjalankan aktiviti pusat
siber tanpa lesen.
- Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen pada 8
Januari 2013
- Syor : Tolak – selaras dengan dasar Majlis
- Keputusan : Tolak (mempunyai 4 kompaun)

LAMPIRAN 2**2) NETSTORY TRADING AND SERVICES. (6-15019 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Wong Mun Hoh
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.25 Jalan Kosas 1/3, Taman Kosas 68000 Ampang.
- Kawasan : Taman Kosas.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 01/04/2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 13/11/2012.
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun :
8.1.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber tanpa lesen
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun.
- Keputusan : Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun

3) A E STATION (6-14566 (KS) Jld.2)

- Nama pemohon : Foong Kim Tim
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 28B-G, Jln. Pandan Cahaya 2/1,
Pandan Cahaya, 68000 Ampang.
- Kawasan : Pandan Cahaya.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 01/04/2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30/11/2012
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun:
8.1.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe
Siber MPAJ 2007.
- Menjalankan perniagaan pusat
siber tanpa lesen
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat
pembayaran kompaun.
- Keputusan : Lulus dengan syarat menjelaskan
bayaran kompaun

4) STARCOM TRADING AND SERVICES (6-10628 (KS) Jld.2)

- Nama pemohon : Wong Mun Hoh
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 21 & 23, Jln. Kosas 1/3, Tmn. Kosas,
68000 Ampang
- Kawasan : Taman Kosas.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 01/04/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 13/11/2012.
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 3 kompaun :
 - 31.1.11 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber/ kafe siber tanpa lesen.
 - 28.3.11 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber/ kafe siber tanpa lesen.
 - 08.1.13 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber/ kafe siber tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun.
- Keputusan : Lulus dengan syarat membuat bayaran kompaun

LAMPIRAN 2**5) DVN ENTERPRISE (6-13190(KS))**

- Nama pemohon : Mohd. Husmawi bin Husain
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 36B-G, Jalan Pandan Cahaya
2/2 Pandan Cahaya 68000 Ampang
- Kawasan : Pandan Cahaya
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 22/04/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.4.2013
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen di alamat No. 17, Jalan 11
Taman Putra – mohon pertukaran
alamat
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2**6) PROPADUCON SDN. BHD. (6-13328(KS))**

- Nama pemohon : Laily binti Mohamed
- Jawatan : Pengarah Urusan
- Alamat premis : No. 30 & 30M, Grd. & Mezz.
Jalan Kosas /4, Taman Kosas
68000 Ampang
- Kawasan : Taman Kosas
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 22/04/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.4.2013
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen di alamat No. 23G, Medan
Bukit Indah 5, Taman Bukit Indah
– mohon pertukaran alamat, premis
telah disewakan kepada orang lain
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 3

1) MASQUE ENTERTAINMENT SDN BHD (6-21957(H))

- Nama pemohon : Ang Lai Fun
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.9-1 & 10-1, Jalan SU 1E
Persiaran Sering Ukay 1
- Kawasan : Sering Ukay.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 01/04/2013.
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – dengan mematuhi syarat dan mengemukakan sokongan Bomba dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan : Lulus dengan sokongan Bomba

2) MAY LV CAFE & PUB. (6-9709(H) Jld. 2)

- Nama pemohon : Lee Ah Moi
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.20G, Jalan Pandan Indah 4/6A,
Pandan Indah 68000 Ampang.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Tidak Disokong pada 01/04/2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30/11/2012
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Tolak – selaras ulasan daripada Polis.
- Keputusan : Tolak

LAMPIRAN 4

1) SEMBIL ENTERPRISE SDN BHD (6-20180 (H) JLD. 2)

- Nama pemohon : Lee Hong Kee
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lot 3/1-5,43,43a,45-48 & Walkway,
Block B Persiaran MPAJ, Jalan
Pandan Utama
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah.
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 31.01.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun :
1/11/12 - UUK3,
- Menjalankan Perniagaan tanpa
lesen
- Syor : Lulus - mematuhi syarat dan
mengemukakan sokongan bomba
dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan : Lulus dengan sokongan bomba
dan menjelaskan bayaran
kompaun.

LAMPIRAN 5

1) CENTURY VENTURE SNOOKER CENTRE (6-23592 (H))

- Nama pemohon : Lee Yon Chun
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lot 1211, Jalan 11, Ampang New Village Kg. Baru Ampang
- Kawasan : Kg. Baru Ampang
- Lokasi : Lot kedai.
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 22.4.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 25.4.2013
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Permohonan baru
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus untuk tempoh 1 tahun sahaja (bagi mencari lokasi baru – selaras dengan kelulusan terdahulu bagi permohonan Ample Sky Sdn. Bhd. di Ampang Putra Residensi)
- Keputusan : Tolak kerana tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

4.6.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT
SETEMPAT (OSC)
BIL.7/2013**

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 07/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 11 HB APRIL 2013 (KHAMIS)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

| BIL | HADIR | JABATAN / AGENSI |
|------------|-----------------------------------|--------------------------------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob | Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi) |
| 2. | Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain | Timbalan Yang DiPertua MPAJ |
| 3. | Tn. Abdul Jalil B. Hassan | Ahli Majlis MPAJ |
| 4. | Pn. Sian Keng Eng | Ahli Majlis MPAJ |
| 5. | En. Mohd Zuwahir B. Wandi | Pej. Tanah & Daerah Gombak |
| 6. | En. Ahmad B. Muhamad Yusoff | Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat |
| 7. | Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton | JPBD Selangor |
| 8. | En. Mohd Firdaus B. Noor Azman | Jab. Mineral & Geosains Selangor |
| 9. | En. Mohd Azri B. Md Baharudin | Jab. Kerja Raya Hulu Langat |
| 10. | En. Nik Mohd Dzarrin B. Ghifari | Jab. Bomba & Penyelamat Selangor |
| 11. | DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan | PDRM (Daerah Ampang) |
| 12. | En. Azhar B. Ramli | Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat |
| 13. | Pn. Nor Liza Bt. Yen | Jab. Alam Sekitar Selangor |
| 14. | En. Mohd Fauzi B. Embong | POS Malaysia Berhad |
| 15. | Pn. Asiah Bt. Borhan | SKMM Wilayah Tengah |
| 16. | Pn. Zuraina Bt. Said | Jab. Perancang Bandar MPAJ |
| 17. | En. Hasrolnizam B. Shaari | Jab. Kejuruteraan MPAJ |
| 18. | En. Yazid B. Sarkom | Jab. Bangunan & Senibina MPAJ |
| 19. | En. Johari B. Atli | Jab. Undang-Undang MPAJ |
| 20. | En. Khairulazmi B. Abd Rahman | Jab. Penilaian & Pengurusan Harta |
| 21. | Pn. Rohana Bt. Mohd Nor | Ketua Bahagian OSC |
| 22. | En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim | Urusetia OSC Pembangunan |
| 23. | Pn. Rozita Bt. Razali | Urusetia OSC Pembangunan |
| 24. | Pn. Rahah Bt. Jalaludin | Urusetia OSC Pembangunan |
| 25. | Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad | Peg. Perhubungan Awam |
| 26. | Pn. Yasmin B. Hadi | Jab. Perbandaran & Kesihatan |
| 27. | Pn. Marlina Bt. Mokhtar | Jab. Belia Masyarakat |
| 28. | En. Azam B. Husni | Jab. Penguatkuasa |

TURUT HADIR

- | | |
|---|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Ruziana Bt. Leemon | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Pn. Norliza Bt. Masri | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 6. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Pn. Juhaida Bt. Kassim | Jab. Perancang Bandar |
| 8. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 9. En. Bahari B. Sulieman | Jab. Perancang Bandar |
| 10. Cik Maizan Bt. Mazlan (Praktikal) | Jab. Perancang Bandar |
| 11. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. Pn. Masni Manja Bt. Md Sidek | Jab. Bangunan Senibina |
| 13. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 14. Pn. Norlina Bt. Abu Hassan | Jab. Bangunan Senibina |
| 15. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 16. En. Mohd Faizal B. Arshad | Jab. Bangunan Senibina |
| 17. En. Zahari B. Mohd Nor | Jab. Kejuruteraan |
| 18. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan |
| 19. En. Mohd Khairudin Muhammed | Jab. Kejuruteraan |
| 20. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan |
| 21. Pn. Emiley Bt. Adlan | Jab. Undang - Undang |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | |
|---|
| 1. Tn. Razali B. Ramly (Ahli Majlis MPAJ) |
| 2. Tn. Abdul Aziz B. Ahmad (Ahli Majlis MPAJ) |
| 3. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd |
| 4. Jab. Kerja Raya Gombak |
| 5. Jab. Pengairan & Saliran Gombak |
| 6. Jab. Pengairan & Saliran Selangor |
| 7. Indah Water Konsortium (IWK) |
| 8. SYABAS |
| 9. TNB Distribution Sdn. Bhd. |
| 10. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) |

TIDAK HADIR
TIDAK HADIR

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2012 telah diadakan pada 11 April 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Dua (2) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang,Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditolak

2.1.2 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

2.1.3 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditutup fail.

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Dua (2) Permohonan Serentak Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.2.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Infrastruktur dan Pelan bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 3)

